

18 NOV 1998

APEC-BERITA-MAHATHIR LEAD

PERATURAN MENGAWAL PASARAN KEWANGAN AKAN DIKEMUKAKAN KEPADA G-22

KUALA LUMPUR, 18 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata para pemimpin Apec telah membuat keputusan bahawa isu mengenai kawalan ke atas pasaran kewangan antarabangsa akan di bawa kepada Kumpulan 22 Negara (G-22) untuk dibincangkan.

Menjawab soalan selepas membaca Deklarasi Para Pemimpin Ekonomi Apec di akhir sidang kemuncak mereka keenam di sini hari ini, beliau berkata:

"Kami semua bersedia untuk mempengaruhi negara-negara lain yang bukan anggota Apec (untuk mengawal pasaran kewangan antarabangsa).

"Kami memutuskan untuk membawa perkara ini ke forum lain seperti G-22," katanya menjawab soalan watawan Bernama.

Dr Mahathir, yang diapit oleh rakan-rakan pemimpinnya daripada 20 negara Apec yang lain di Cyberview Lodge di Cyberjaya dekat sini, berkata para pemimpin bersetuju untuk memperkukuhkan arkitektur kewangan antarabangsa untuk mencegah krisis kewangan di masa depan dan untuk menyelesaikan krisis dengan lebih berkesan apabila ia berlaku.

"Kita bersetuju bahawa sekarang ialah masanya untuk mengadakan perubahan-perubahan bertujuan memperkukuhkan sistem kewangan antarabangsa untuk mendapat faedah sepenuhnya daripada pasaran modal antarabangsa dan meminimumkan risiko gangguan yang memusnahkan.

"Kami bersetuju sepenuhnya bahawa peraturan global yang dikukuhkan adalah penting untuk membolehkan kami mendapat faedah dari peningkatan globalisasi ketika mengelakkan kesusahan seperti yang sedang dialami oleh anggota-anggota kami sekarang," katanya bagi pihak para pemimpin yang lain dalam deklarasi itu.

Perdana Menteri juga berkata kerjasama rapat dan penyertaan ekonomi-ekonomi maju dan pasaran-pasaran ekonomi yang baru muncul penting untuk menjayakan usaha-usaha memperkukuhkan sistem kewangan antarabangsa.

Apec telahpun memainkan peranan utama dalam memberi tindak balas kepada krisis itu, melalui instrumen--instrumen seperti kemudahan simpanan tambahan Dana Kewangan Antarabangsa (IMF), katanya.

"Kami berjanji untuk meneruskan kerjasama seperti itu," katanya.

Dalam menekankan mengenai perlunya ditangani segera krisis yang bermula Julai tahun lepas itu, beliau berkata para pemimpin Apec "membuat keputusan untuk berkerja bersama-sama untuk menyokong pemulihan yang segera dan berkekalan di rantau ini, membendung risiko jangkitan dan mencegah kemungkinan berlakunya kemelesetan global.

Satu elemen yang penting untuk pemulihan ialah penekanan Apec kepada "pembinaan keupayaan" dalam keseluruhan aktiviti Apec yang luas tahun ini, yang relevan sekali dalam menangani cabaran-cabaran yang dihadapi rantau ini sekarang, katanya.

Beralih kepada sokongan antarabangsa kepada pekerjaan dan jaringan keselamatan sosial, beliau berkata para pemimpin itu juga " mahu program-program IMF dilebihkan fleksibilitinya, dan menyambut baik usaha-usaha Bank Dunia untuk meningkatkan tiga kali ganda dan Bank Pembangunan Asia (ADB) menggandakan pinjaman mereka kepada sektor sosial.

Selain dari itu, para pemimpin itu juga mengakui keperluan penstrukturan semula sektor kewangan dan korporat, yang mana pemulihan sektor swasta boleh diaturkan dengan membantu menyuntik semula modal institusi-institusi kewangan.

Apec juga perlu menangani masalah beban hutang syarikat-syarikat dan memulihkan akses mereka kepada pembiayaan modal kerja, kritikal untuk

mencapai pertumbuhan ekonomi yang baru di ekonomi-ekonomi yang paling teruk terjejas oleh krisis itu.

Untuk tujuan ini, mekanisme yang digunakan termasuk menggerakkan bantuan tambahan bagi menyokong pelaksanaan penstrukturan semula segera sektor kewangan dan korporat, termasuk melalui penggunaan jaminan bank-bank pembangunan berbagai hala dan lain-lain mekanisme yang inovatif, kata Dr Mahathir.

Perdana juga menekankan mengenai keperluan untuk meningkatkan sumber-sumber modal kerja dan pembiayaan dagangan, termasuk melalui usaha-usaha kerjasama antara agensi-agensi insuran dan kredit eksport dan antara institusi-institusi dua hala seperti itu dan bank-bank pembangunan berbagai hala.

Para pemimpin itu juga bersetuju bahawa dalam usaha untuk memangkinkan aliran modal bersendirian supaya rantau ini dapat pulih sepenuhnya daripada krisis yang berpanjangan, "kita perlu berupaya menarik aliran modal yang stabil dan boleh membantu pertumbuhan ke rantau ini," katanya.

Memandangkan kepada penurunan mendadak aliran modal ke ekonomi-ekonomi Asia Timur dan ekonomi-ekonomi pasaran yang lain "tanpa mengambil kira kepelbagaian prospek-prospek di kalangan ekonomi-ekonomi, para pemimpin itu berkata mereka menyokong usaha bank-bank pembangunan berbagai hala untuk menggunakan instrumen kewangan yang inovatif bagi membantu memangkinkan dan menyunkitkan aliran modal sektor swasta.

Selaras dengan apa yang Malaysia katakan selama ini, Dr Mahathir berkata Apec telah menggesa supaya diadakan kajian semula terhadap amalan-amalan agensi-agensi penarafan bagi menggalakkan keberkesanan yang lebih dan untuk menyumbang kepada aliran modal yang berkekalan.

"Yang terutamanya, kami juga perlu memperkuatkan persediaan sistem kewangan domestik kami sendiri untuk bertahan daripada kesan aliran jangka pendek yang berpotensi menggugat dan bagi memastikan peruntukan modal jangka panjang digunakan secara produktif," katanya.

Untuk menghadapi cabaran dalam usaha mencapai pertumbuhan yang berkekalan, beliau berkata bahawa ke semua 21 pemimpin mengesahkan komitmen mereka untuk berusaha ke arah strategi pertumbuhan secara kerjasama melalui dasar-dasar makro ekonomi berorientasikan pertumbuhan yang wajar, selaras dengan keperluan-keperluan khusus setiap ekonomi.

Ini juga akan mengambil kira bantuan kewangan yang diperluaskan daripada masyarakat antarabangsa untuk menjanakan pekerjaan dan membina dan mengukuhkan jaringan keselamatan sosial untuk melindungi mereka yang miskin dan terdedah dan penduduk seramai 2.2 bilion di rantau ini.

Dr Mahathir juga berkata para pemimpin itu bersetuju supaya diadakan program sokongan untuk usaha-usaha mengukuhkan sistem kewangan, memulih pembiayaan dagangan dan mempercepatkan penstrukturan semula sektor korporat.

Pendekatan-pendekatan baru untuk memangkinkan pengembalian aliran modal persendirian yang stabil dan berkekalan juga adalah antara faktor yang perlu untuk mencapai pertumbuhan, katanya.

Dr Mahathir berkata untuk mencapai penyelesaian yang awal kepada krisis kewangan antarabangsa, satu forum seperti G-22 yang diperluaskan adalah wajar untuk tujuan ini.

"Kami yakin bahawa terdapat nilai dalam meneruskan kerja ini dalam proses melibatkan ekonomi-ekonomi maju dan yang baru muncul," katanya.

Katanya para pemimpin Apec akan mengarahkan menteri-menteri kewangan mereka untuk mengadakan dengan segera langkah-langkah untuk melaksanakan cadangan-cadangan itu, dan menambah bahawa "kami akan meminta laporan mengenai hasil usaha itu sama ada di dalam Apec atau di mana-mana pun pada mesyuarat kami akan datang (di Auckland)

Para pemimpin Apec juga menggesa supaya ditubuhkan satu pasukan petugas

termasuk ekonomi-ekonomi yang signifikan dari segi sistem untuk mengadakan cadangan-cadangan yang praktikal dalam usaha untuk mengukuhkan peraturan berhemah institusi kewangan di ekonomi-ekonomi maju bagi menggalakkan aliran modal yang berkekalan dan selamat.

Ita juga bertujuan mengalakkan analisis yang baik dan penilaian risiko yang lebih baik, meneliti masalah ketelusan wajar dan piawaian penutupan untuk institusi kewangan/ sektor swasta yang terlibat dalam aliran modal antarabangsa.

Mereka termasuk bank-bank pelaburan, dana lindung nilai dan pelabur-pelabur institusi yang lain serta meneliti implikasi operasi insituti di luar persisiran yang sungkitan tinggi, kata Dr Mahathir.

"Kami juga menggesa supaya kerja-kerja dimulakan dengan segera dalam satu kumpulan antarabangsa yang diwakili sewajarnya mengenai pengurusan krisis yang lebih baik termasuk peraturan pembayaran hutang yang teratur dengan sektor swasta.

"Cadangan-cadangan ini boleh dibincangkan pada forum untuk disahkan pada peringkat pemimpin dan dilaksanakan selepas itu," katanya.

Dr Mahathir juga berkata para pemimpin itu mengesahkan langkah menteri-menteri kewangan mereka untuk menangani keperluan untuk aliran modal yang lebih bebas dan stabil ke rantau ini.

Beliauberkata, "kami mengarahkan menteri-menteri kewangan kami untuk menggunakan pengajaran-pengajaran yang berguna sejak 18 bulan lepas ketika mereka berusaha untuk mewujudkan Pelan Tindakan Secara Sukarela yang pragmatik serta mengadakan garis-garis panduan yang wajar untuk mengawal aliran modal, termasuk aliran jangka pendek.

Di sini, katanya, para pemimpin itu menyambut baik inisiatif Australia mengenai pembinaan keupayaan pentadbiran ekonomi dan bidang-bidang yang dicadangkan untuk meningkat aktiviti bersama pembinaan keupayaan.

Para pemimpin itu juga menyambut baik inisiatif baru oleh para menteri kewangan mengenai pembangunan pasaran bon domestik.

Para pemimpin Apec juga menyambut baik kemajuan yang dicapai mengenai sembilan sektor dalam skim Liberalisasi Awal Mengikuti Sektor Secara Sukarela (EVSL), program pengurangan tarif Apec.

Mereka bersetuju untuk mengarahkan menteri-menteri ekonomi yang mengambil bahagian untuk melaksanakan keputusan yang dicapai dalam sektor-sektor ini dan meneruskan kerja-kerja mengenai enam sektor yang baki itu.

Sektor-sektor itu ialah mainan kanak-kanak, barang perhiasan, peralatan perubatan, barangan dan perkhidmatan alam sekitar, tenaga dan kimia.

Persetujuan untuk memansuhkan tarif sektor telekomunikasi telahpun dicapai, manakala dua sektor saingan, perikanan dan perhutanan yang tidak disetujui oleh Jepun, akan dikemukakan kepada Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO) dan mesyuarat Apec tahun depan di Auckland untuk dibincangkan selanjutnya.

Mengenai Kerjasama Ekonomi dan Teknikal (Ecotech), beliau berkata ia perlu disegerakan lagi kerana krisis kewangan sekarang, dan itulah sebabnya komitmen melalui Perkongsian Bagi Pertumbuhan Samarata (PEG) sebagaimana yang disahkan oleh Majlis Penasihat Perniagaan Apec (Abac) diterima.

Beliau berkata para pemimpin Apec sedar bahawa industr-industri berasaskan pengetahuan dan pelancongan mempunyai potensi yang wajar untuk menyumbang kepada pertumbuhan dan pembangunan dalam abad akan datang, dan menambah bahawa usaha-usaha perlu ditumpukan untuk memaksimumkan sumbangan sektor-sektor itu.

Para pemimpin itu juga mengesahkan Program Tindakan Kuala Lumpur 1998 mengenai Pembangunan Kemahiran dalam Apec sebagai satu kemajuan yang signifikan ke arah perkongsian berbentuk kerjasama awam-perniagaan dalam pembangunan kemahiran.

"Program ini mengiktiraf nilai sumbangan sektor perniagaan dan menekan perluasan jangkauan Apec kepada masyarakat perniagaan secara berterusan," katanya.

Dr Mahathir berkata para pemimpin Apec juga menyokong usaha-usaha berterusan untuk meningkatkan peranan wanita dalam proses Apec, dan menambah bahawa mereka telah mengarahkan menteri-menteri mereka mengadakan rankakerja bagi integrasi wanita dalam Apec.

Mereka juga menyokong supaya tindakan bersama dilancarkan dalam bidang-bidang makanan, tenaga dan alam sekitar berhubung dengan pertumbuhan ekonomi dan populasi masyarakat Apec.

Mereka juga berkata ekonomi mereka akan terus memberi tumpuan untuk membangun dan memperkukuhkan lagi dinamisme perusahaan kecil dan sederhana (IKS) dan memberi keutamaan kepada Pelan Tindakan Bersepadu untuk Pembangunan IKS atau SPAN.

Mengenai perdagangan elektronik (E-Commerce) dan maslaah pepejatan alaf 2000 atau Y2K yang berpotensi untuk menggugat ekonomi, perdagangan dan kewangan, beliau berkata ekonomi-ekonomi Apec bersetuju bahawa mereka akan meningkatkan persediaan dan melaksanakan langkah-langkah perlu untuk menangani masalah itu secara segera.

-- BERNAMA

TM MR SHY WAT